

01/02/1998

Peringat: Zainal serah pada Mahathir

KOTA BHARU: Ketua Penerangan Umno Kelantan, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, menyerahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menentukan kedudukannya dalam Umno bahagian Peringat.

Menurutnya, beliau akur dengan saranan Perdana Menteri selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan supaya jawatan Ketua Umno bahagian di negeri ini tidak dipertandingkan dalam pemilihan parti Mac ini.

"Terpulang kepada Perdana Menteri untuk menentukan kedudukan saya. Soal pertandingan dalam bahagian itu tidak timbul.

"Apa yang penting, saya dapat memainkan peranan untuk memberi khidmat kepada parti bagi memastikan Umno berjaya dalam pilihan raya akan datang," katanya.

Zainal Abidin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Melor berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, bahawa beliau akan diberi jawatan yang sesuai dan lebih tinggi dalam Umno bahagian Peringat.

Ini berikutan keputusan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan pada 26 Januari lalu yang menegaskan tiada perebutan bagi jawatan Ketua Umno Bahagian di negeri ini.

Annuar yang juga Ketua Umno bahagian Peringat dilaporkan berkata, beliau akan berbincang dengan Zainal Abidin berhubung perkara itu sebelum mengambil sebarang keputusan.

Difahamkan, jika persetujuan dicapai Zainal Abidin mungkin dilantik sebagai Timbalan Ketua Umno bahagian Peringat. Sebelum ini, beliau disebut-sebut akan mencabar Annuar dalam mesyuarat pemilihan Mac ini.

(END)